

07/12/1998

Jangan jadi hamba orang asing: PM (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan perlunya rakyat berusaha lebih gigih demi menyelamatkan maruah dan kebebasan negara, seterusnya tidak menjadi hamba kepada orang asing.

Menurut Perdana Menteri, pengurangan pergantungan kepada orang asing mampu menghalang penjajahan semula oleh pihak tertentu yang mahu supaya negara tunduk kepada permintaan mereka, seperti yang berlaku di beberapa negara lain.

"Jika kita terus bergantung kepada negara asing, mereka akan menguasai dan menjajah kita semula melalui ekonomi sehingga kita menjadi miskin dan papa.

"Kita terpaksa meminta daripada mereka dan dikenakan pelbagai syarat dan dijadikan hamba kerana pada masa ini mereka sedang berusaha mengambil alih syarikat besar di negara Asia yang tunduk dengan pelbagai syarat Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Kita tidak tunduk dan kita selamat sedikit, tetapi kita mesti berusaha lebih gigih supaya tidak bergantung kepada orang asing, sebaliknya kita hendak orang asing bergantung kepada kita," katanya.

Berucap merasmikan Institut Pengurusan Peladang (IPP) milik Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan mesyuarat agung ke-25 LPP di sini hari ini, Dr Mahathir berkata walaupun kemajuan Malaysia setakat ini lebih tinggi daripada sesetengah negara, rakyat perlu sedar kerana ada orang lain yang lebih cekap.

"Kita hendaklah jangan berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai kerana ramai lagi manusia di dunia ini yang lebih cekap daripada kita. Kalau kita kurang cekap mereka akan menguasai kita," katanya.

Hadir sama pada majlis itu Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid; Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan pengerusi LPP, Tan Sri Mustafa Abdul Jabar.

IPP Langkawi yang berharga RM11 juta itu bakal menjadi pusat kegiatan program latihan LPP, selain pusat sedia ada di Sungai Petani, Johor Bahru (Johor), Rompin (Pahang) dan Machang (Kelantan).

Tumpuan utama institut berkenaan ialah menerus dan memperhebatkan kualiti serta teknologi pelbagai bidang pengurusan pertubuhan peladang dan projek peladang.

Dr Mahathir juga berkata, bagi mencapai hasrat itu, selain produk pembuatan, pengeluaran bahan makanan juga perlu dipertingkatkan bagi menampung bekalan kerana negara terpaksa mengeluarkan banyak wang untuk mengimport berikutan kegawatan ekonomi dan kejatuhan nilai mata wang.

Justeru, pergantungan kepada negara asing untuk bekalan makanan perlu dikikis bagi mengurangkan beban import, sekali gus membolehkan negara menjadi pengekspor dan menambah pendapatan.

Menurutnya, sektor pertanian perlu dipergiatkan dengan menukar kaedah perladangan dan pengurusan secara lebih moden bagi menghasilkan produk bermutu dan menguntungkan.

Perdana Menteri juga memberi jaminan kerajaan akan memastikan hanya pemimpin dan ahli politik yang sanggup bertanggungjawab berusaha menyelamatkan negara saja akan dikekalkan.

"Orang yang ada tempat dalam politik ialah orang yang bertanggungjawab untuk menyelamatkan negara. Kalau gagal, kita tidak akan pilih semula dan jika merelakan orang asing menentukan nasib negara juga kita tidak akan pilih.

"Orang yang harus dipilih ialah mereka yang mampu memberi sumbangan idea menyelamatkan dan memajukan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, ketika kegawatan ekonomi, sektor pertanian perlu ada perubahan dengan memberi tumpuan kepada tanaman yang berupaya mengeluarkan hasil dalam tempoh singkat untuk bekalan tempatan dan eksport.

Menurutnya, walaupun manggis mendapat sambutan di negara asing, ia hanya dapat mengeluarkan hasil antara lapan hingga 12 tahun berbanding kelapa sawit dan getah yang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga hingga lima tahun dan menjadi sumber tukaran mata wang asing melalui eksport.

Selain itu, tumpuan perlu diberikan kepada tanaman yang boleh menambah bekalan makanan tempatan bagi menggantikan import seperti bawang besar dan bawang merah yang kebanyakannya perlu diimport.

Bagaimanapun, ia perlu dilakukan secara lebih gigih dengan membabitkan teknologi moden serta kaedah pengurusan yang lebih berkesan dan menguntungkan.

Terdahulu, Perdana Menteri melawat pembinaan restoran dalam kelong (tempat menangkap ikan) di Berjaya Langkawi Beach Resort, di Teluk Burau. Turut mengiringi Dr Sulaiman Daud dan Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya Group Berhad, Tan Sri Vincent Tan.

Restoran itu dibina dengan kos bernilai kira-kira 2.9 juta dan dijangka siap pertengahan tahun depan. Ia mampu memuatkan kira-kira 150 pengunjung yang gemar memakan ikan segar.

Beliau juga melawat percubaan memecah rekod dunia, tinggal bersama 150 ekor ular berbisa selama 27 hari mulai hari ini oleh Raja Ular, Othman Ayeb di Taman Legenda di sini.

(END)